

SULIT

1103/1

1 Bahasa
1 Melayu
0 Kertas 1
3 Julai
1 2024
1 2 jam



MAKTAB RENDAH SAINS MARA

PEPERIKSAAN SEMESTER I 2024

TINGKATAN 5

BAHASA MELAYU

Kertas 1

Dua jam

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Kertas peperiksaan ini mengandungi **dua** bahagian: **Bahagian A** dan **Bahagian B**.
2. Jawab soalan **Bahagian A** dan **satu** soalan daripada **Bahagian B**.
3. Jawapan anda hendaklah ditulis di dalam buku jawapan yang disediakan. Sekiranya ruang jawapan tidak cukup, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan.

Kertas peperiksaan ini mengandungi 4 halaman bercetak.

Bahagian A

[30 markah]

*Soalan ini mesti dijawab.**Gambar dan maklumat di bawah berkaitan dengan tarian kebudayaan.**Berdasarkan maklumat tersebut, huraikan pendapat anda tentang **tarian kebudayaan kepada remaja di Malaysia.****Panjangnya huraian anda hendaklah **antara 150 hingga 200 patah perkataan.***

Seni tarian merupakan satu bentuk persembahan melalui pergerakan tubuh secara berirama yang dilakukan di tempat dan waktu tertentu untuk keperluan pergaulan, mengungkapkan perasaan, maksud dan pemikiran. Sesuatu persembahan tarian itu dikukuhkan penyampaian dan maksud yang ingin disampaikan melalui bunyi-bunyian atau muzik. Seni tarian tradisional yang mewakili masyarakat pelbagai kaum di negara kita sememangnya tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas.

Sumber: Portal Rasmi Jabatan Warisan Negara



Tarian Zapin

Tarian Naga



Tarian Bharatanatyam

PANTUN

Indah nian permata baiduri,
Nampak berkilauan dipakai si dara;
Bina keyakinan dan keberanian diri,
Melalui tarian seni budaya.

Burung belatuk burung merpati,
Terbang sekawan mencari mangsa;
Tarian membentuk disiplin tinggi,
Menjadi amalan sepanjang masa.

Bahagian B*[70 markah]**Bahagian ini mengandungi empat soalan. Jawab satu soalan.**Tulis sebuah karangan yang panjangnya antara 350 hingga 500 patah perkataan.***1**

Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) dikenali sebagai penggunaan sistem komputer dan telekomunikasi untuk menyimpan, mengambil, melindungi, memproses, melihat dan menghantar maklumat tanpa batasan waktu serta tempat. Faedah dalam menguasai teknologi maklumat dapat meningkatkan pengetahuan am dalam kalangan murid sekolah selain dapat membantu memperkasakan kemahiran diri mereka. Penguasaan teknologi maklumat juga dapat memudahkan komunikasi sesama manusia dalam pendidikan.

Sumber: www.ipendidikan.my

Berdasarkan petikan di atas, jelaskan faedah-faedah Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) kepada murid-murid.

2

SHAH ALAM - Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Selangor (JKNS), Datuk Dr. Sha'ari Ngadiman berkata, pengguna yang bijak akan memilih gerai yang diusahakan oleh peniaga yang mengamalkan pengendalian makanan secara bersih. Menurutnya lagi, pengguna perlu memilih makanan yang masih panas, segar dan tidak terdedah bagi mengelakkan risiko keracunan makanan. Di rumah, individu perlu memastikan peralatan di dapur sentiasa berada dalam keadaan bersih semasa penyediaan makanan.

Sumber: www.sinarharian.com.my

Berdasarkan petikan di atas, huraikan cara-cara untuk mengelakkan keracunan makanan.

3

Jumlah kemasukan pendatang asing tanpa izin (PATI) di Malaysia semakin ramai. Cabaran dalam menangani isu berkaitan PATI adalah seperti pergaduhan, pengedaran dadah, pecah rumah, bunuh, monopoli perniagaan, pembukaan penempatan haram dan sebagainya. Kedatangan PATI telah mengurangkan peluang pekerjaan masyarakat tempatan, mengancam keselamatan masyarakat dan meningkatkan risiko kesihatan terhadap masyarakat tempatan.

Sumber: www.mkn.gov.com

Anda akan menyertai pertandingan syarahan bahasa Melayu peringkat daerah. Tajuk syarahan anda ialah 'Kesan Kemasukan Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) di Malaysia'.

Sediakan teks syarahan anda selengkapnya.

4

Malaysia merupakan antara negara yang mempunyai kepelbagaian biologi dengan kewujudan 1,500 jenis haiwan vertebrata dan 150,000 jenis invertebrata di negara ini. Namun demikian, akhir-akhir ini haiwan-haiwan seperti Harimau Malaya, orang utan dan tapir diancam kepupusan.

Sumber: Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan)

Sebagai respons terhadap petikan di atas, huraikan langkah-langkah bagi membendung kepupusan hidupan liar.

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT